

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG TOUCH 'N GO ZING (T&S) [\(English Version\)](#)

Dikemas kini pada 12 Julai 2024

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Perjanjian Pemegang Kad, terma dan syarat Kad Utama dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang dikenakan Bank Pengeluar dari semasa ke semasa, setelah memberi notis awal minimum dua puluh satu (21) hari, serta juga aturan dan peraturan lain yang mengikat Bank Pengeluar. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

1. Takrifan

- 1.1 **"Pihak Berkuasa Yang Sesuai"** bermakna mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian;
- 1.2 **"Fungsi Tambah Nilai Auto"** bermakna ciri dalam Kemudahan TNG yang secara automatik menokok nilai wang yang tersimpan dalam dompet elektronik dengan Tambah Nilai Auto (di lorong-lorong tol yang dikendalikan oleh Penyedia Perkhidmatan) apabila nilai wang tersimpan mencapai Nilai yang Ditetapkan;
- 1.3 **"Fi Tambah Nilai Auto"** bermakna fi yang dikenakan oleh TNGSB bagi setiap tambah nilai auto nilai wang tersimpan dalam dompet elektronik yang berjaya dilakukan dengan Tambah Nilai apabila nilai wang tersimpan mencapai Nilai yang Ditetapkan;
- 1.4 **"Tambah Nilai Auto"** bermakna nilai wang tetap Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00), yang mungkin diubah dari semasa ke semasa oleh TNGSB dan Bank Pengeluar yang akan ditambah kepada Kad Zing apabila nilai wang Kad Zing mencapai Nilai yang Ditetapkan;
- 1.5 **"Kad"** bermakna mana-mana Mastercard dan/atau VISA yang dikeluarkan oleh Bank Pengeluar di bawah kategori Classic, Gold atau Platinum, apa-apa kategori lain yang diperkenalkan atau diganti oleh Bank Pengeluar dari semasa ke semasa dan hendaklah termasuk kad-kad yang dikeluarkan secara bergabung atau bersekutu dengan manamana pihak ketiga dan/atau kad yang dikeluarkan di bawah mana-mana produk atau nama atau rujukan terpilih, dan berdasarkan Fasal 22 Perjanjian Pemegang Kad yang juga termasuk Kad Tambahan;
- 1.6 **"Pemegang Kad"** bermakna individu yang namanya diatas Kad dan Kad Zing dikeluarkan oleh Bank Pengeluar;
- 1.7 **"Akaun Kad"** bermakna akaun Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar berkenaan Kad Utama;
- 1.8 **"Perjanjian Pemegang Kad"** bermakna perjanjian antara Bank Pengeluar dengan Pemegang Kad mengenai pengeluaran dan penggunaan Kad;
- 1.9 **"Tak Aktif"** bermakna Kad Zing tanpa sebarang transaksi kad (tambah nilai atau guna) untuk tempoh dua puluh empat (24) bulan berturut-turut;
- 1.10 **"Fi Pengeluaran"** bermakna fi yang dikenakan oleh Bank Pengeluar bagi pengeluaran Kad Zing;
- 1.11 **"Bank Pengeluar"** bermakna Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**") atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**HLISB**"), pengeluar Kad Kredit dan Kad Zing, dan termasuk pengganti hak miliknya;
- 1.12 **"Fi Penyelenggaraan"** bermakna fi yang dikenakan oleh TNGSB setiap enam (6) bulan sekali dari tarikh Cip TNG dalam Kad Zing menjadi tak aktif kerana penyelenggaraan jumlah yang tidak digunakan;
- 1.13 **"Nilai yang Ditetapkan"** bermakna nilai terkumpul Ringgit Malaysia (RM50.00) (atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh TNGSB dari semasa ke semasa);
- 1.14 **"Kad Utama"** bermakna Mastercard dan/atau VISA, atau apa-apa jenama Kad yang lain, dikeluarkan kepada Pemegang Kad Utama menurut Perjanjian Pemegang Kad;
- 1.15 **"Pemegang Kad Utama"** bermakna individu yang namanya di atas Kad Utama dikeluarkan;
- 1.16 **"Fi Penggantian"** bermakna fi yang dikenakan oleh Bank Pengeluar kerana menggantikan Kad Zing;

- 1.17 “**Fi Pembaharuan**” bermakna fi yang dikenakan oleh Bank Pengeluar kerana memperbaharui Kad Zing;
- 1.18 “**Penyedia Perkhidmatan**” bermakna pihak atau pihak-pihak yang mengikat perjanjian dengan TNGSB untuk menerima TNG sebagai suatu cara pembayaran;
- 1.19 “**Cukai**” bermakna apa-apa cukai Malaysia atau asing masa kini atau masa akan datang, langsung atau tak langsung, levi, impos, duti, fi caj, fi, potongan atau penahanan apa jenis pun, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Sesuai, termasuk, tanpa batasan, apa-apa cukai penggunaan dan cukai-cukai lain apa pun nama yang diberi, dan apa-apa faedah, denda atau penalti berkenaan dengannya;
- 1.20 “**TNG**” bermakna Touch ‘n Go;
- 1.21 “**Cip TNG**” bermakna cip yang mengandungi Kemudahan TNG dengan Fungsi Tambah Nilai Auto yang digabungkan di dalam Kad Zing;
- 1.22 “**Kemudahan TNG**” bermakna kemudahan pembayaran menggunakan dompet elektronik mengandungi nilai wang tersimpan prabayar dengan Fungsi Tambah Nilai Auto terkandung dalam Cip TNG di dalam Kad Zing;
- 1.23 “**TNGSB**” bermakna Touch ‘n Go Sdn Bhd, penyedia Perkhidmatan Touch ‘n Go, dan termasuk pengganti hak miliknya;
- 1.24 “**Perkhidmatan TNG**” bermakna sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh TNGSB dari semasa ke semasa untuk memudahkan Pemegang Kad membayar caj tol, fi letak kereta dan apa-apa caj lain, menggunakan Kemudahan TNG sebagai suatu kaedah pembayaran;
- 1.25 “**Terma-terma TNG**” bermakna terma dan syarat Kad Zing yang dikeluarkan oleh TNGSB berkenaan Perkhidmatan TNG yang disediakan menerusi www.touchngo.com.my;
- 1.26 “**Jumlah yang Tidak Digunakan**” bermakna nilai wang tersimpan belum guna dalam Cip TNG yang dimasukkan di dalam Kad Zing dan;
- 1.27 “**Kad Zing**” bermakna kad yang dikeluarkan oleh TNGSB dan dikeluarkan oleh Bank Pengeluar yang tertera nama “**Touch‘n Go Zing Card**” mengandungi Cip dengan kemudahan kredit (tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad antara Bank Pengeluar dengan Pemegang Kad) bagi tujuan Transaksi Tambah Nilai.

2. Permohonan

- 2.1 Pemegang Kad dikehendaki mengisi Borang Kad Kredit Hong Leong Touch ‘N Go Zing (“Borang Permohonan”) dan menyerahkannya kepada Bank Pengeluar bersama-sama dokumen-dokumen yang disebut dalam Borang Permohonan untuk memohon Kad Zing.
- 2.2 Permohonan Kad Zing dan persetujuan tandatangan Pemegang Kad padanya menandakan persetujuan Pemegang Kad terhadap T&Cs ini bagi penggunaan Kad Zing serta Perjanjian Pemegang Kad bagi pengeluaran dan penggunaan Kad.
- 2.3 Pemegang Kad hendaklah memberitahu TNGSB dan Bank Pengeluar dengan apa-apa pertukaran butiran yang diberi dalam Borang Permohonan
- 2.4 Pemegang Kad Utama hendaklah bertanggungjawab kepada Bank Pengeluar atas segala transaksi Kad Zing yang dilakukan.

3. Syarat Penggunaan

- 3.1 Kad Zing hanya boleh dikeluarkan oleh Bank Pengeluar dan diaktifkan untuk kegunaan Pemegang Kad yang menyelenggara Kad Utama yang sah dengan Bank Pengeluar.
- 3.2 TNGSB hendaklah melunaskan semua transaksi di bawah TNG Services dan membenarkan Tambah Nilai Auto dilakukan di lorong tol dengan syarat Kad Zing itu sah semasa diserahkan dan Pemegang Kad dan transaksi berkenaan mematuhi terma dan syaratnya.

- 3.3 Nilai tersimpan dalam Kad Zing boleh digunakan di semua lorong tol secara sendirian atau bersama-sama peranti “SmartTag” di lorong TNG dan SmartTag berkenaan serta juga untuk membuat pembayaran di Penyedia Perkhidmatan terpilih selaras dengan Terma-terma TNG.
- 3.4 Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab atas penggunaan Kemudahan TNG dan hendaklah menggunakan Kemudahan TNG selaras dengan prosedur, arahan, garis panduan yang ditetapkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa.
- 3.5 Pemegang Kad tidak boleh memindah milik, menjual, merosakkan atau membega-bega Kad Zing atau Cip TNG yang terbenam di dalamnya.

4. Fi dan Caj

Semua fi dan caj seperti ditetapkan di dalam ini adalah tertakluk kepada Cukai, menurut kadar Cukai semasa, jika berkenaan.

4.1 Fi Pengeluaran

- a) Pemegang Kad akan dikenakan Fi Pengeluaran bagi pengeluaran Kad Zing atau setiap pengeluaran Kad Zing baharu (melainkan dikecualikan selaras dengan terma-terma di dalam ini) yang akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.
- b) Bank Pengeluar dengan ini secara nyata membenarkan untuk mendebit daripada Akaun Kad aktif Pemegang Kad segala wang yang diperlukan untuk melunaskan segala fi dan caj yang kena dibayar kepada Bank Pengeluar dan/atau TNGSB (termasuk fi dan caj yang dinaikkan) dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari.

4.2 Fi Penggantian

- a) Pemegang Kad akan dikenakan Fi Penggantian untuk menggantikan Kad Zing (melainkan dikecualikan selaras dengan terma-terma di dalam ini) yang akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.

4.3 Fi Pembaharuan

- a) Semua Kad Zing yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada tarikh luput dicetak di belakang Kad Zing.
- b) Apabila tarikhnya luput, Cip TNG di dalam Kad Zing akan dibatalkan/tidak boleh digunakandan apa-apa jumlah yang tidak digunakan akan dikembalikan kepada Pemegang Kad, tertakluk kepada Fi Penyelenggaraan selaras dengan Fasal 4.5.
- c) Bergantung kepada budi bicara Bank Pengeluar dan TNGSB, apabila tarikh Kad Zing luput, Pemegang Kad hendaklah memohon untuk memperbaharui Kad Zing dengan membayar Fi Pembaharuan kepada Bank Pengeluar yang akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.

4.4 Fi Tambah Nilai Auto

- a) Bagi setiap tambah nilai auto yang berjaya, maka Fi Tambah Nilai Auto akan dikenakan oleh TNGSB dan dengan ini Pemegang Kad memberi kebenaran kepada Bank Pengeluar untuk mendebit Fi Tambah Nilai Auto tersebut daripada Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Pengeluar.

4.5 Fi Penyelenggaraan

- a) Fi Penyelenggaraan akan dipotong daripada Jumlah yang Tidak Digunakan dalam Kad Zing pada setiap enam (6) bulan dari tarikh Cip TNG dalam Kad Zing menjadi Tak Aktif kerana penyelenggaraan Jumlah yang Tidak Digunakan.
- b) Fi Penyelenggaraan akan dipotong sehinggalah **Jumlah yang Tidak Digunakan** dalam Kad Zing habis.

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami www.hlb.com.my/cc2 atau imbas di sini:



5. Penggunaan Kemudahan Tambah Nilai Auto

- 5.1 TNGSB akan menambah nilai secara automatik ke dalam Cip TNG dalam Kad Zing dengan Nilai Tambah Auto apabila nilai wang tersimpan di dalam dompet elektronik mencapai Nilai yang Ditetapkan pada Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50). Fungsi Tambah Nilai Auto hanya terpakai apabila Kad Zing diguna di lorong-lorong tol berkenaan.
- 5.2 Tambah nilai secara manual tidak dibenarkan oleh sebab apa-apa tambah nilai manual di mana-mana lorong tol dan/atau di Penyedia Perkhidmatan akan nyahaktifkan Fungsi Tambah Nilai Auto.
- 5.3 Pemegang Kad bersetuju bahawa Fungsi Tambah Nilai Auto dihadkan kepada satu (1) tambah nilai auto bagi setiap dua puluh empat (24) jam.
- 5.4 Pemegang Kad dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank Pengeluar untuk mendebit Akaun Kad Pemegang Kad dengan amaun yang setara dengan Nilai Tambah Auto serta Fi Tambah Nilai Auto pada setiap transaksi tambah nilai automatik, apa-apa perkhidmatan boleh caj yang lain dan Cukai yang dikenakan ke atasnya dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pemegang Kad.
- 5.5 Walau apa pun yang dinyatakan di dalam ini, TNGSB dan/atau Bank Pengeluar akan mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menamatkan Fungsi Tambah Nilai Auto bagi mana-mana Kad Zing atas apa jua alasan yang mereka anggap munasabah (termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan had kredit tak mencukupi, perlakuan kredit tak memuaskan, atau dalam keadaan Kad Zing dilaporkan hilang, kena curi atau dipalsukan).
- 5.6 Jika Fungsi Tambah Nilai Auto telah ditamatkan bagi mana-mana Kad Zing, maka Fungsi Tambah Nilai Auto boleh diaktifkan semula dengan persetujuan Bank Pengeluar dengan syarat hal-hal yang menyebabkan Fungsi Tambah Nilai Auto ditamatkan dan diselesaikan dengan pihak TNGSB dan Bank Pengeluar.

- 5.7 Pengaktifan Semula Fungsi Tambah Nilai Auto bagi Kad Zing hanya boleh dilaksanakan oleh Pemegang Kad dengan menghubungi pusat panggilan Bank Pengeluar untuk memohon pengaktifan semula Fungsi Tambah Nilai Auto. Empat puluh lapan (48) jam selepas permohonan pengaktifan semula dibuat, Pemegang Kad boleh mengaktif semula Fungsi Tambah Nilai Auto dalam Kad Zing dengan menunjukkan Kad Zing di kaunter terpilih Touch 'n Go yang ditetapkan oleh TNGSB untuk pengaktifan semula.
- 5.8 TNGSB dan Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap keadaan Kad Zing yang boleh menyebabkan kegagalan Fungsi Tambah Nilai Auto dan/atau penolakan transaksi oleh kerana Pemegang Kad berkewajipan untuk menjaga Kad Zing. Sebagai contoh: kad rosak, kad hilang, had kredit tak mencukupi yang tidak disedari TNGSB dan/atau Bank kerana tidak dilaporkan.
- 5.9 Melainkan diperuntukkan sebaliknya secara nyata dalam terma dan syarat ini, maka, TNGSB adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Pemegang Kad atas nilai wang tersimpan dan terkandung dalam Cip TNG dan Pemegang Kad tidak boleh mempertanggungjawabkan Bank Pengeluar atas hal yang sama.

6. Pertikaian atas Transaksi Kad

- 6.1 Penyata bulanan yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Utama yang berkenaan dengan kad kredit hendaklah mengikut Klausula 15 Perjanjian. Klik [sini](#) untuk terma dan syarat Klausula 15 Perjanjian.
- 6.2 Apa-apa pertikaian oleh Pemegang Kad berkenaan sebarang transaksi penggunaan yang memberi kesan terhadap nilai wang tersimpan di dalam Cip TNG hendaklah dibawa ke perhatian TNGSB serta-merta dan diselesaikan antara Pemegang Kad dan TNGSB.

7. Pemberitahuan Transaksi Tanpa Kebenaran tentang Kecurian, Kehilangan dan Penggantian Kad Zing

- 7.1 Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan Kad Zing tanpa kebenaran atau jika Kad itu hilang atau dicuri. TNGSB dan begitu juga Bank Pengeluar tidak akan bertanggungjawab terhadap salah guna Kad Zing atau guna tanpa kebenaran Kad Zing yang hilang atau dicuri.
- 7.2 Pemegang Kad hendaklah melaporkan kehilangan atau kecurian kad kepada Pusat Kad Bank Pengeluar dengan segera untuk mengelak menanggung caj tipuan lebih lanjut.
- 7.3 Biar pun Pemegang Kad membuat pemberitahuan segera, namun TNGSB dan juga Bank Pengeluar diberi tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa pemberitahuan dibuat untuk menyahaktifkan Kad Zing.
- 7.4 Apabila Bank Pengeluar menerima pemberitahuan tentang Kad Zing hilang, dicuri atau luput tarikh, maka Kad Zing itu bolehlah diganti dengan Kad Zing baharu yang bernilai sifar (kosong) dalam masa tujuh (7) hari kerja. Jumlah yang tidak digunakan Kad Zing yang ditaksahkan itu boleh dikreditkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad tolak segala caj berkenaan seperti mana disebut dalam fasal 4 di atas.

- 7.5 Bagi Kad Zing yang hilang atau dicuri, Bank Pengeluar atau TNGSB tidak akan bertanggungjawab di atas transaksi yang berlaku atau ditanggung sebelum laporan sempurna dibuat kepada pusat kad Bank Pengeluar dan dalam masa dua puluh empat (24) jam tersebut. Pemegang Kad akan tetap bertanggung sepenuhnya terhadap segala caj termasuk dan tidak terhad kepada Fungsi Tambah Nilai Auto berlaku atau ditanggung dalam tempoh dua puluh empat (24) jam itu.
- 7.6 Bank Pengeluar tidak akan bertanggungjawab untuk mengeluarkan kad gantian kepada Pemegang Kad berikutan kehilangan atau kecurian Kad Zing.
- 7.7 Semua penggantian sebarang Kad Zing mestilah dengan kebenaran oleh Pemegang Kad Utama berkenaan kepada pusat kad Bank Pengeluar dan Fi Penggunaan akan dikenakan menurut Fasal 4.1 di atas.

8. Penyahaktifan Kad Zing

- 8.1 Mana-mana Kad Zing yang kemudiannya menjadi Tak Aktif akan dinyahkatifkan oleh TNGSB.
- 8.2 Sekiranya Kad Zing telah dinyahkatifkan, Fi Penyelenggaraan mengikut Fasal 4.5 di sini akan dikenakan oleh TNGSB dan fi tersebut akan dipotong daripada jumlah yang tidak digunakan setiap enam (6) bulan sekali. Pemegang Kad bersetuju bahawa potongan automatik ini akan berterusan sehinggalah Jumlah yang Tidak Digunakan dalam Kad Zing itu telah habis.

9. Penamatan

- 9.1 Penggunaan Kad Zing oleh Pemegang Kad boleh ditamatkan oleh Bank Pengeluar melalui notis bertulis apabila berlaku salah satu (1) peristiwa ini atau lebih seperti berikut:
 - a) Pemegang Kad melanggar mana-mana T&S, peruntukan Perjanjian Pemegang Kad dan/atau terma dan syarat Kad Utama ;
 - b) Kad dilaporkan luput tarikh, hilang, atau dicuri, dipalsukan atau rosak;
 - c) hak Pemegang Kad menggunakan Kad ditaksahkan seperti mana diperuntukkan di dalam ini;
 - d) Sistem Pembayaran Elektronik TNGSB gagal, ditukar, ditambahbaik, dinaiktaraf atau diubahsuai;
 - e) Akaun Kad Pemegang Kad tak aktif;
 - f) Kad Utama ditamatkan;
 - g) Penamatan Kad Zing atas usaha sendiri Pemegang Kad; dan/atau
 - h) Kad Zing mengikut mana yang berkenaan, dengan cara pindahan fail atau apa-apa cara lain yang dipersetujui antara Bank Pengeluar dengan TNGSB.
- 9.2 Tanpa menjejaskan Fasal 9.1, penggunaan Kad Zing ditamatkan:
 - a) apabila Pemegang Kad memberitahu Bank Pengeluar akan niatnya untuk menamatkan kesahihan Kad Zing; atau
 - b) apabila Bank Pengeluar memberitahu TNGSB akan penamatan Kad Zing.

- 9.3 Setelah notis penamatan diberi selaras dengan fasal 9.1 (a) atau (b) di atas:
- a) Bank Pengeluar boleh menasihatkan TNGSB supaya menamatkan Fungsi Tambah Nilai Auto pada Kad Zing; dan
 - b) Bank Pengeluar boleh menasihatkan TNGSB supaya menamatkan Kemudahan TNG pada Kad Zing atas budi bicaranya bergantung kepada keadaan atau sebab-musabah penamatan.
- 9.4 Pemegang Kad tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Bank Pengeluar dan TNGSB atas segala transaksi yang berlaku atau ditanggung atas Cip TNG pada Kad Zing dan Pemegang Kad adalah bertanggungjawab terhadap semua Fungsi Tambah Nilai yang dilaksanakan dan didebitkan kepada Akaun Kad Pemegang Kadnya selama tempoh dua puluh empat (24) jam setelah Bank Pengeluar mengakui penerimaan notis penamatan.
- 9.5 Jika:
- a) Kemudahan TNG pada mana-mana Kad Zing telah ditamatkan, maka Jumlah yang Tidak Digunakan padanya akan dikembalikan kepada Pemegang Kad, tertakluk kepada Fi Penyelenggaraan selaras dengan Fasal 4.5 di sini; dan
 - b) Hanya Fungsi Tambah Nilai Auto pada mana-mana Kad Zing sahaja yang telah dibatalkan atau ditamatkan, maka jumlah yang tidak digunakan padanya hendaklah selagi Kad itu belum luput tarikh atau dianggap tak aktif, tetap sah digunakan sehingga Kad Zing itu mempunyai baki nilai tersimpan sifar (kosong).
- 9.6 Walau apa pun, semua permohonan pengembalian Jumlah yang Tidak Digunakan mestilah dibuat dengan Bank Pengeluar dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kehilangan, kecurian, pembatalan atau penamatan Kad Zing.

10. Pertukaran Terma dan Syarat

- 10.1 TNGSB dan Bank Pengeluar berhak untuk menambah, menggugurkan, menggantung, mengubah atau meminda penggunaan Kad Zing atau terma dan syarat terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian atas budi bicaranya pada bila-bila masa setelah memberi notis awal.
- 10.2 Bank Pengeluar akan memberitahu Pemegang Kad akan sebarang pindaan atau pertukaran terma dan syarat ini dan akan tarikh bila pertukaran itu akan mula berkuat kuasa. Semua pertukaran dan pindaan dimaklumkan melalui iklan dalam akhbar, menerusi penghantaran notis, atau pemaparan notis di TNGSB atau Laman Web Bank Pengeluar atau di mana-mana kaunter jualan Touch 'n yang menurut pandangan TNGSB dan/atau Bank Pengeluar adalah perlu dan dianggap sebagai pemberitahuan mencukupi kepada Pemegang Kad.

11. Notis

Semua notis lain yang akan diberi oleh Pemegang Kad kepada Bank Pengeluar adalah selaras dengan Perjanjian Pemegang Kad.

12. Pendedahan

Selain pendedahan dibenarkan seperti mana dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad dan Notis Privasi Bank Pengeluar, maka Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank Pengeluar mendedahkan apa-apa maklumat mengenai Pemegang Kad kepada TNGSB dan rakan perikatan niaga TNGSB dihadkan kepada tujuan menyelesaikan isu-isu pemegang kad berkenaan penggunaan/pertikaian Kad TNG Zing, untuk memudahkan penggunaan Kad Zing, atau kelayakan mendapat rebat, atau untuk tujuan mendapat semula apa-apa wang yang kena bayar dan terhutang oleh Pemegang Kad kepada Bank Pengeluar dan TNGSB melainkan Bank Pengeluar dilarang oleh undang-undang dan peraturan berkenaan daripada mendedahkan maklumat sedemikian. Maklumat peribadi yang boleh didedahkan oleh TNG kepada rakan-rakan perikatan niaga adalah meliputi nama penuh Pemegang Kad, nombor siri TNG dan nombor Kad TNG Zing.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76368899.